

12 FEB 1998

Panel-Pelaburan

PESERTA IAP MINAT LABUR DALAM SYARIKAT MSC

Oleh: R.Ravichandran

CYBERJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Beberapa peserta pada mesyuarat kedua Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini melahirkan minat untuk menjalin usahasama dengan beberapa syarikat yang diberikan status MSC.

Pengarah Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) bagi perkhidmatan pelanggan Dr Muhammad Ghazie Ismail berkata di antara syarikat yang mempunyai status MSC ialah VMS Technology Sdn Bhd yang sebelum itu memberi taklimat kepada para peserta mengenai operasi mereka.

Mereka juga menunjukkan minat terhadap tiga syarikat lain yang mempunyai status MSC yang turut memberi taklimat mengenai operasi mereka. Syarikat itu ialah Asia Pacific Info Serv. (DHL) dari Amerika Syarikat, Datek Sdn Bhd, sebuah usahasama Malaysia-Australia dan Worldstock. Com Sdn Bhd, sebuah usahasama Amerika-Malaysia.

"Beberapa peserta sedang meninjau untuk melabur dalam syarikat-syarikat itu," katanya kepada Bernama semasa rehat makan tengah hari.

Mesyuarat dua hari itu yang bermula di sini hari ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia dihadiri beberapa pemimpin teknologi maklumat terkemuka dunia, termasuk presiden dan ketua pegawai eksekutif syarikat telekomunikasi terkemuka.

MDC adalah badan yang mentadbir pelaksanaan projek MSC -- sebuah kawasan seluas 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur yang dikhaskan sebagai pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Muhammad Ghazie berkata para peserta membincangkan isu-isu merentasi sempadan seperti perdagangan elektronik dan implikasi cukai semasa sesi hari ini.

Beliau juga berkata Dr Mahathir gembira dengan input yang diberikan oleh anggota panel dan peserta lain yang menghadiri mesyuarat itu sebagai pemerhati.

Mesyuarat hari ini juga akan membincangkan kemajuan MSC untuk menentukan sama ada ia menuju ke arah yang ditetapkan. -- BERNAMA

RV AKD